

Telco berpotensi jimat RM30 billion dalam infrastruktur 5G



Lima MNO Malaysia menandatangani perjanjian akses 5G bersama DNB.

Kuala Lumpur: Pelaksanaan rangkaian borong tunggal 5G yang pertama di dunia oleh Digital Nasional Bhd (DNB), pengendali rangkaian mudah alih (MNO) dalam industri telekomunikasi Malaysia berpotensi untuk menjimatkan kos pembinaan infrastruktur kira-kira RM30 billion dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, ini akan membolehkan MNO untuk fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan 4G.

"Selain itu, ia juga boleh dimanfaatkan untuk penyediaan perkhidmatan 5G yang inovatif dan bernilai tinggi bagi manfaat rakyat dan perniagaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pada 31 Oktober lalu, lima MNO Malaysia, Celcom Axiata Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Telekom Malaysia Bhd (TM), U Mobile Sdn Bhd, dan YTL Communications Sdn Bhd (YES) masing-masing telah menandatangani perjanjian akses 5G bersama DNB.

Tengku Zafrul menyifatkan perjanjian akses 5G yang dimeterai oleh lima MNO dan DNB tersebut pencapaian penting dalam melaksanakan visi 5G negara bagi memacu pembangunan ekonomi digital dalam tempoh jangka panjang.

"Dengan penyertaan lima MNO ini dalam penyediaan akses borong oleh DNB, pelanggan-pelanggan mereka dijangka dapat mendapat manfaat dengan kelajuan pantas dan ketersambungan 5G dengan lebih inklusif pada harga mampu milik," katanya.

Beliau berkata kos pembangunan rangkaian 5G adalah RM16.5 bilion dalam tempoh 10 tahun tanpa sebarang pembiayaan atau jaminan kerajaan selain suntikan ekuiti bernilai RM500 juta untuk memulakan operasi syarikat DNB.

DNB komited untuk mempercepatkan pembangunan rangkaian dan infrastruktur 5G, katanya.

"Rangkaian 5G kini meliputi hampir 11 juta penduduk di seluruh Malaysia bersamaan dengan lebih daripada 33 peratus liputan di kawasan berpenduduk.

"Setakat akhir Ogos 2022, DNB kekal berada di landasan untuk mencapai kira-kira 80 peratus liputan di kawasan berpenduduk menjelang akhir 2024," katanya.

Tengku Zafrul juga berkata bahawa pewujudan khidmat 5G akan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan inovasi yang dijangka mewujudkan sebanyak 750,000 pekerjaan berkemahiran tinggi dan menjana RM650 bilion bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara kumulatif sehingga tahun 2030.

Disiarkan pada: November 2, 2022 @ 3:32pm